

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
1.	Tujuan	
1.1	Tujuan pekeling ini adalah untuk memastikan semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Badan Berkanun/ Ketua Eksekutif Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan Ketua Agensi-agensi lain untuk melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.	Pekeling ini terpakai ke atas semua Bahagian, Jabatan, Agensi dan CLBG di bawah seliaan MOTAC dan pejabat MOTAC Negeri di seluruh Negara melibatkan peruntukan mengurus, pembangunan, kumpulan wang amanah, akaun amanah dan rizab.
1.2	Pegawai Pegawai hendaklah memastikan agar badan berkanun, CLBG dan badan bukan Kerajaan (NGO) di bawah seliaan kementerian/ jabatan untuk menerima pakai garis panduan ini sebelum peruntukan disalurkan.	BBP dan CLBG di bawah seliaan MOTAC hendaklah mengambil tindakan bersesuaian untuk menerima pakai garis panduan ini seperti mendapatkan persetujuan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) dan meminda Arahan Kewangan masing- masing di mana berkaitan.

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
<p>2.</p> <p>2.1</p>	<p>Latar Belakang</p> <p>Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Kerajaan telah menyediakan kemudahan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion untuk merangsang dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hasilnya, ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2021 dan seterusnya berkembang sebanyak 5.0% pada suku pertama 2022 (S1 2022). Namun demikian, ketidaktentuan ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa telah mengakibatkan tekanan inflasi tinggi ditambah dengan harga komoditi global dan makanan yang telah meningkat secara mendadak. Perkembangan ini menjejaskan pemulihan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
.2	<p>Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan subsidi barangan perlu (<i>essential goods</i>) serta kawalan harga bagi mengurangkan impak inflasi dunia kepada negara dan rakyat. Peningkatan subsidi sedia ada terutamanya produk petroleum dan minyak masak serta subsidi baharu seperti elektrik dan ayam telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan Kerajaan. Perbelanjaan bagi bantuan dan subsidi diunjurkan mencecah RM77.7 bilion berbanding dengan peruntukan RM31 bilion yang diluluskan dalam Bajet 2022. Dengan itu, Kerajaan seharusnya melaksanakan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan bagi membantu membiayai sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi demi kesejahteraan rakyat.</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
2.3	Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ CLBG hendaklah menyusun semula program/aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan dengan memastikan tidak membuat trade-off ke atas program dan aktiviti yang mengfokuskan kepada kesejahteraan rakyat.	Pindah peruntukan bagi program dan aktiviti pemulihan dan pemerkasaan sektor pelancongan, seni dan budaya yang menyasarkan penggiat industri di pelbagai peringkat tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran Ketua Setiausaha dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan terlebih dahulu.
3.	Perbelanjaan Mengurus Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ CLBG dikehendaki melaksanakan penjimatan dalaman untuk menentukan semua perbelanjaan adalah selaras dengan prinsip-prinsip dan peraturan yang ditetapkan bagi pengurusan kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dari semasa ke semasa. Sehubungan ini, semua Pegawai Pengawal kementerian/ jabatan/ agensi adalah	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam mematuhi garis panduan berikut:	
3.1	Selaras dengan keputusan Kerajaan, MOF akan membuat penjimatan ke atas peruntukan mengurus tidak termasuk OA10000. Oleh itu, kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah menyusun semula peruntukan dan mencadangkan penjimatan peruntukan mengurus bagi MOF mencapai sasaran sekurang-kurangnya 5.0% penjimatan daripada baki peruntukan mengurus tahun 2022. MOF akan memuktamad dan mengeluarkan Waran Sekatan bagi memaklumkan jumlah peruntukan yang dikurangkan.	<p>Dalam mengenal pasti penjimatan peruntukan mengurus di bawah Dasar Sedia Ada (DSA), peruntukan emolumen dan elaun di bawah OA10000 adalah dikecualikan. Pengiraan penjimatan hanya melibatkan baki peruntukan di bawah OA20000 hingga OA50000 setakat 30 Jun 2022 termasuk peruntukan Program Khusus dan <i>One-Off</i> tertakluk kepada arahan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.</p> <p>Pindah peruntukan OA10000 kepada Objek Am yang lain tidak dibenarkan. Baki OA10000 dikekalkan bagi tujuan pelarasan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) tahunan.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.2	Pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti baharu oleh kementerian/ jabatan/ agensi yang diluluskan hendaklah ditampung dari peruntukan sedia ada kecuali dalam kes-kes tertentu yang melibatkan implikasi kos yang besar dan pelaksanaannya dianggap kritikal oleh Jemaah Menteri. Keperluan tambahan bagi perkara kritikal dan mendesak ini juga akan ditampung melalui penjimatan peruntukan sedia ada sama ada secara <i>trade-off</i> atau memansuhkan program-program yang tidak memberi impak yang signifikan kepada rakyat. Permohonan peruntukan tambahan untuk menampung sebarang keperluan yang tidak kritikal tidak akan dipertimbangkan.	Program/aktiviti baru hendaklah ditampung menerusi penyusunan semula keutamaan program, menyesuaikan semula skala pelaksanaan atau secara <i>trade off</i> atau membatalkan program yang tidak berimpak tinggi. Tiada peruntukan tambahan akan disalurkan.
3.3	Sehubungan ini, Pegawai Pengawal perlulah melaksanakan semakan semula program/aktiviti sedia ada bagi mengenalpasti penjimatan yang boleh digunakan untuk menampung	Pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dirancang boleh diteruskan tertakluk kepada kecukupan peruntukan sedia ada tanpa memerlukan

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>program/aktiviti baharu secara trade-off dengan program/aktiviti yang tidak lagi relevan atau didapati tidak memberi keberkesanan kepada kumpulan sasaran serta matlamat yang hendak dicapai. Tindakan menyemak semula program/aktiviti sedia ada ini hendaklah diambil sebelum mengemukakan sesuatu program/aktiviti baharu untuk pertimbangan Jemaah Menteri atau MOF. Penjimatan yang akan diperolehi hendaklah diambilkira apabila membuat cadangan.</p>	<p>peruntukan tambahan dan arahan Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.</p> <p>Bagi agensi-agensi MOTAC yang mempunyai lebih peruntukan geran mengurus tahun terdahulu boleh membelanjakan peruntukan berkenaan dalam tahun semasa untuk perkara-perkara yang telah dirancang atau dibida dalam pemeriksaan bajet tahun terdahulu tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan pematuhan PB3.1 di mana berkaitan.</p>
3.4	<p>Pegawai Pengawal hendaklah mengawasi dengan rapi perolehan dan perbelanjaan yang dibuat supaya tidak dibuat melebihi peruntukan setelah akaun tahunan ditutup.</p>	<p>Mana-mana bahagian/ jabatan/ agensi/ CLBG yang tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib/ surcaj.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.5	<p>Perjawatan</p> <p>Pengurusan perjawatan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Pelaksanaan satu-satu fungsi kementerian/ jabatan/ agensi juga perlu dilakukan secara kreatif dan inovatif agar dapat mencapai tahap produktiviti tertinggi berdasarkan sumber manusia sedia ada.</p>	
3.6	<p>Pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (<i>trade-off</i>) dan pindah butiran (<i>redeployment</i>) serta tiada implikasi kewangan tambahan.</p>	
3.7	<p>Pewujudan jawatan baharu bagi jawatan kritikal yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan, penguatkuasaan dan kutipan hasil negara perlu dilaksanakan dengan kawalan ketat.</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.8	Konsep <i>redeployment</i> mesti diberi keutamaan bagi projek-projek baharu yang telah siap seperti sekolah, hospital/ klinik, balai polis dan sebagainya untuk memastikan agihan penempatan pegawai dibuat berdasarkan fungsi/ kepakaran dan permintaan pelanggan.	
3.9	Jawatan kosong yang tidak diisi melebihi dua (2) tahun hendaklah dimansuhkan.	
3.10	Pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan Objek Sebagai 29000 (OS29000) adalah tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai.	Pelantikan pegawai <i>Contract of Service (CoS)</i> dibenarkan bagi tujuan penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai sahaja. Pelantikan MySTEP tertakluk kepada peruntukan sedia ada mencukupi dan tidak memerlukan peruntukan tambahan.

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.11	<p>Penyusunan Semula Organisasi/ Penubuhan Badan Berkanun/ CLBG</p> <p>Penyusunan semula organisasi kementerian/ jabatan/ agensi hanya dibenarkan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dengan syarat tidak melibatkan tambahan bilangan jawatan dan implikasi kewangan.</p>	
3.12	<p>Keutamaan penyusunan semula organisasi hendaklah fokus kepada mengurangkan pertindihan fungsi sama ada di dalam atau di luar organisasi.</p>	
3.13	<p>Penubuhan badan berkanun/ CLBG/ entiti baharu lain tidak dibenarkan.</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.14	<p>Elaun Lebih Masa</p> <p>Perbelanjaan bagi kerja lebih masa hendaklah dikawal. Ketua Jabatan / Agensi dan pegawai yang mengarahkan kerja lebih masa hendaklah berpuas hati bahawa kerja lebih masa itu benar-benar penting untuk disiapkan atau dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Arahan kerja lebih masa hendaklah dikeluarkan secara bertulis sebelum sesuatu tempoh kerja lebih masa dimulakan.</p>	<p>Semua ketua Bahagian/ Jabatan/ Agensi/ CLBG/MOTAC Negeri hendaklah menetapkan kawalan dalaman masing-masing, tertakluk kepada kecukupan peruntukan sedia ada tanpa memerlukan peruntukan tambahan. Mana-mana Bahagian/ Jabatan/ Agensi/ CLBG/MOTAC Negeri yang tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.</p>
3.15	<p>Pertukaran ke Luar Stesyen</p> <p>Pertukaran pegawai ke luar stesyen adalah ditangguhkan kecuali dalam keadaan tertentu yang penting dan mendesak atas kepentingan perkhidmatan. Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan hendaklah menggunakan budi bicara</p>	<p>Pertukaran pegawai ke luar stesyen (dalam negara) tertakluk kepada budi bicara Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan. Pertukaran pegawai ke luar stesyen (luar negara) adalah dibekukan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, jika terdapat justifikasi yang kukuh, permohonan kelulusan</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	masing-masing dalam hal ini dan memastikan perbelanjaan terlibat adalah terkawal.	khas Kementerian Kewangan boleh dikemukakan melalui Bahagian Kewangan.
3.16	Perjalanan Bertugas Rasmi di Dalam Negeri Perjalanan bertugas rasmi di dalam negeri hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minima dan kaedah perjalanan yang menjimatkan. Contoh langkah yang boleh dilaksanakan adalah menjadual semula dan menghimpunkan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan penyertaan ramai pegawai yang sama daripada luar ibu pejabat.	Bagi program di luar Jabatan yang melibatkan lebih daripada seorang pegawai di lokasi yang sama atau berhampiran , pegawai diwajibkan untuk berkongsi kenderaan Jabatan yang disediakan . Sekiranya kenderaan Jabatan tidak disediakan, pegawai boleh menggunakan kenderaan sendiri dan digalakkan untuk berkongsi kenderaan (<i>car pool</i>) ke program yang dianjurkan di luar pejabat bagi mengoptimumkan perbelanjaan.
3.17	Pegawai dibenarkan membeli sendiri tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan memberikan penjimatan	Tiket penerbangan hendaklah ditempah bermula daripada kelas ekonomi “K” atau setara . Tempahan tiket pada kelas yang lebih rendah adalah digalakkan.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam. Semua tiket penerbangan adalah kelas ekonomi tanpa mengira gred.	<p>Kelayakan kelas penerbangan anggota pentadbiran (YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Setiausaha Politik) ialah pada kelas perniagaan.</p> <p>Kelayakan kelas penerbangan semua Ahli Lembaga Pengarah (BOD) ditetapkan pada kelas ekonomi.</p> <p>Kos yang boleh dituntut oleh pegawai apabila membuat pembelian tiket penerbangan secara atas talian tanpa menggunakan WPUA adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Harga Tiket Penerbangan; ii. Surcaj Bahan Api; iii. Cukai Lapangan Terbang; iv. KLIA2 Fees (jika berkaitan); v. Sales and Services Tax (SST); vi. Bagasi (tuntutan berdasarkan kilogram bagasi paling minimum yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan); vii. Insurans; viii. Fi pemprosesan – Fi tersebut adalah wajib bagi membolehkan tiket dikeluarkan oleh syarikat penerbangan atau syarikat pengembara pelancongan; dan

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
		ix. Tuntutan-tuntutan lain yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal boleh menentukan kos-kos lain yang boleh dituntut berdasarkan kepada kewajaran dan keperluan Kementerian/Jabatan masing-masing.
3.18	<p>Perjalanan Bertugas Rasmi ke Luar Negara</p> <p>Perbelanjaan bertugas ke luar negara hanya dibenarkan bagi urusan seperti berikut:</p> <p>(i) mesyuarat/rundingan berjadual/berkala atau persidangan yang telah diluluskan di dalam belanjawan tahunan dan yang benar-benar penting serta memberi impak yang signifikan kepada kepentingan negara; atau</p> <p>(ii) mesyuarat dan persidangan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri; dan</p>	<p>Kelayakan penerbangan bagi pegawai yang bertugas rasmi ke luar negara kekal seperti peraturan sedia ada.</p> <p>Jika tiket penerbangan disediakan oleh Penganjur, perbezaan kadar kelayakan boleh dituntut.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	(iii) Pegawai Pengawal digalakkan untuk melibatkan atau mewakilkan kehadiran ke mesyuarat atau persidangan tertentu kepada Duta/ Ketua Perwakilan Malaysia di negara berkenaan atau negara yang berhampiran, tanpa penyertaan pegawai dari Malaysia ataupun penyertaan secara atas talian.	
3.19	<p>Bilangan pegawai (termasuk wakil Pejabat YB Menteri/Timbalan Menteri) yang mengiringi Ketua Delegasi, iaitu sama ada YB Menteri/ Timbalan Menteri/ Ketua Setiausaha/ Timbalan Ketua Setiausaha/ Ketua Jabatan yang dibenarkan adalah seperti berikut:</p> <p>(i) tidak melebihi dua (2) orang bagi negara yang mempunyai pejabat perwakilan Malaysia;</p>	Ketidakpatuhan kepada arahan ini perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan.

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>(ii) tidak melebihi tiga (3) orang daripada kementerian/ jabatan/ agensi yang terlibat bagi negara yang tidak mempunyai pejabat perwakilan Malaysia; dan</p> <p>(iii) bagi mesyuarat berjadual atau yang bersifat teknikal serta tugas luar negara berkaitan perolehan Kerajaan yang telah diperuntukkan dalam klausa kontrak sesuatu perolehan, kelonggaran kepada bilangan delegasi tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri/MOF dan perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan (AP) 99 bagi mengawal perbelanjaan.</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.20	<p>Kekerapan perjalanan maksimum atas tugas rasmi ke luar negara yang dibenarkan dalam tempoh setahun adalah seperti berikut:</p> <p>(i) tiga (3) kali bagi Ketua Setiausaha/ Timbalan Ketua Setiausaha/ Ketua Jabatan/ Ketua Agensi; dan</p> <p>(ii) dua (2) kali bagi lain-lain pegawai.</p>	<p>Ketidakpatuhan kepada arahan ini perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan.</p> <p>Jika perjalanan ke luar negara dibiayai sepenuhnya oleh penganjur, kelulusan kekerapan perjalanan maksimum tidak diperlukan.</p>
3.21	<p>Keutamaan penyertaan kursus/latihan luar negara adalah secara dalam talian kecuali:</p> <p>(i) kursus yang bersifat teknikal/tiada kepakaran/bidang khusus adalah dihadkan kepada seorang pegawai dengan sekali perjalanan sahaja dalam tempoh setahun;</p> <p>(ii) kursus/latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak penganjur dan tertakluk kepada</p>	<p>Ketidakpatuhan kepada arahan ini perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan dan tertakluk kepada peruntukan mencukupi.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>kelulusan Pegawai Pengawal sepenuhnya; atau</p> <p>(iii) dibiayai oleh pihak lain seperti kerajaan asing dan institusi/ pertubuhan antarabangsa yang tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan. Pegawai tidak dibenarkan untuk menuntut sebarang perbezaan kadar kelayakan dengan kemudahan yang disediakan oleh penganjur.</p>	
3.22	<p>Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah sentiasa mengambil langkah untuk mengawal perbelanjaan ke luar negara bagi mengelak implikasi kewangan tambahan. Keperluan peruntukan tambahan bagi tujuan bertugas ke luar negara tidak dipertimbangkan.</p>	

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.23	<p>Penginapan Di Dalam dan Luar Negara</p> <p>Pegawai hendaklah membuat tempahan bilik penginapan pada harga yang menjimatkan. Pegawai dibenarkan untuk membuat tempahan sendiri secara atas talian. Perbandingan harga yang ditawarkan di atas talian boleh digunakan sebagai asas tempahan.</p>	<p>Tempahan bilik penginapan hendaklah munasabah berasaskan tawaran harga dengan nilai terbaik (<i>value for money</i>).</p>
3.24	<p>Perbelanjaan Utiliti dan Barang Pakai Habis</p> <p>Setiap kementerian/jabatan/agensi hendaklah:</p> <p>(i) berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan penjimatan perbelanjaan utiliti seperti telekomunikasi, elektrik dan air; dan</p> <p>(ii) memastikan barang pakai habis seperti peralatan alat tulis, kertas, cartridge dan sebagainya digunakan dengan optimum bagi mengelakkan pembaziran. Perkongsian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pada hari bekerja, lampu akan beroperasi mulai pukul 6:30 pagi hingga 6:30 petang. Manakala, sistem penyaman udara akan beroperasi mulai 7:00 pagi hingga 5:30 petang. • Pelanjutan tempoh operasi lampu dan penyaman udara untuk menjalankan urusan rasmi seperti mesyuarat, kerja lebih masa dan sebagainya hendaklah dimaklumkan dua (2) jam sebelum kepada bilik operasi syarikat penyelenggaraan bangunan masing-masing.

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>peralatan pejabat secara gunasama seperti mesin faks dan mesin fotostat amat digalakkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya perlu menjalankan urusan rasmi pada hari Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am, permohonan penggunaan lampu dan penyaman udara hendaklah dikemukakan kepada melalui e-mel sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum diperlukan kepada bilik operasi syarikat penyelenggaraan bangunan masing-masing. • Penggunaan air hendaklah secara berhemat. Sekiranya terdapat kebocoran paip, Bahagian perlu melaporkan segera kepada kepada bilik operasi syarikat penyelenggaraan bangunan masing-masing. • Setiap pegawai perlu memastikan paip ditutup dengan kemas selepas digunakan bagi mengelakkan pembaziran; • Bahagian hendaklah memastikan lampu bilik gunasama, bilik pegawai dan tandas dipadamkan sekiranya tidak digunakan; • Penggunaan telefon pejabat hanya dibenarkan untuk urusan rasmi sahaja. Penggunaan telefon bagi urusan peribadi adalah tidak dibenarkan.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
		<ul style="list-style-type: none"> • Cetakana berwarna dokumen mesyuarat terhad kepada pengerusi sahaja. Manakala, untuk cetakan bahan rasmi lain digalakkan untuk cetakan hitam putih. • Digalakkan cetakan menggunakan kedua-dua belah muka surat. • Langgan surat khabar dihadkan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Anggota Pentadbiran dan KSU - berdasarkan permintaan. • TKSU – maksimum 2 naskhah surat khabar. • UKK/ SUA – berdasarkan permintaan. • SUB/ Ketua Unit - maksimum 2 naskhah surat khabar. • Bahagian/Unit (gunasama) - maksimum 2 naskhah surat khabar jika berlainan bahagian di satu aras. • Pegawai-pegawai digalakkan menggunakan kemudahan surat khabar/ bahan bacaan secara dalam talian.
3.25	Laporan perbelanjaan utiliti dan barang pakai habis hendaklah dipantau dan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) kementerian.	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.26	<p>Sewaan Pejabat/ Peralatan Pejabat</p> <p>Semua cadangan untuk sewaan baharu/ tambah ruang pejabat dan peralatan serta sebarang pengubahsuaian pejabat tidak dibenarkan.</p>	<p>Ketidakpatuhan kepada arahan ini perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan dan tertakluk kepada peruntukan mencukupi.</p>
3.27	<p>Hanya pelanjutan penyewaan peralatan pejabat sahaja dibenarkan tanpa melibatkan tambahan bilangan peralatan.</p>	<p>Ketidakpatuhan kepada arahan ini perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan dan tertakluk kepada peruntukan mencukupi.</p>
3.28	<p>Perolehan Aset Baharu</p> <p>Semua perbelanjaan bagi perolehan aset baharu termasuk pembelian kereta, perabot dan lain-lain kelengkapan pejabat yang tidak mendesak yang belum dipesan atau ditandatangani hendaklah ditangguhkan kecuali kelulusan khas MOF telah diperolehi.</p>	<p>Perolehan aset ditangguhkan buat sementara waktu. Mana-mana perolehan aset yang belum dikeluarkan PO atau SST pada 14 Julai 2022 hendaklah mendapat kelulusan khas Kementerian Kewangan jika hendak diteruskan dengan mengemukakan justifikasi melalui Bahagian Kewangan MOTAC.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
		Ketidakpatuhan kepada arahan ini perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan dengan justifikasi kukuh dan tertakluk peruntukan sedia ada mencukupi.
3.29	<p>Penganjuran Acara/ Majlis/ Keraian Rasmi Kerajaan/ Mesyuarat/ Persidangan/ Seminar/ Bengkel</p> <p>Penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel hendaklah dihadkan. Sekiranya perlu diadakan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan skop penganjuran dibuat secara sederhana dengan mengambil langkah-langkah berikut:</p> <p>(i) kelonggaran penganjuran semua acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel boleh</p>	<p>i) Tertakluk kepada peruntukan mencukupi tanpa peruntukan tambahan, penganjuran semua acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel boleh dilaksanakan di</p>

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>dilaksanakan di premis yang bersesuaian termasuk hotel tertakluk kepada peruntukan sedia ada kementerian/jabatan yang telah diluluskan tanpa melibatkan peruntukan tambahan namun Pegawai Pengawal perlu mempertimbangkan keutamaan kepada institusi latihan awam (ILA) atau premis/kemudahan sedia ada milik Kerajaan;</p> <p>(ii) gimik pelancaran dibuat dalam bentuk yang ringkas dan disediakan secara dalaman (<i>in-house</i>) tanpa penyumberluaran (<i>outsourcing</i>);</p> <p>(iii) pemberian cenderamata terhad kepada kraf tangan tempatan, produk makanan tempatan atau produk agensi sendiri;</p>	<p>premis yang bersesuaian termasuk hotel. Walaubagaimanapun, bagi penganjuran bengkel/ seminar/ kursus dibenarkan sekitar Lembah Klang/ Negeri Sembilan/ Melaka.</p> <p>Penganjuran bengkel/ seminar/ kursus oleh Jabatan/ Agensi di peringkat negeri hendaklah dilaksanakan di dalam negeri masing-masing.</p> <p>Kos penganjuran hendaklah munasabah dan bersesuaian dengan skala penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel/ kursus. Langkah-langkah penjimatan hendaklah diambil di mana bersesuaian.</p> <p>ii) Pesanan tempatan tidak boleh dikeluarkan kepada syarikat bagi tujuan penyediaan gimik pelancaran.</p> <p>iii) Pakaian korporat hendaklah dibayar sendiri oleh Pegawai. Pakaian seragam perlulah dihadkan kepada program/aktiviti berimpak tinggi sahaja.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>(iv) penganjuran karnival/ ekspo/ pameran di luar negara hendaklah ditangguhkan kecuali yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri; dan</p> <p>(v) pemberian taraf Tetamu Negara kepada peserta mesyuarat/ persidangan antarabangsa hendaklah diperhalusi dan dibincangkan secara berasingan dengan agensi pusat yang berkenaan. Pemberian taraf Tetamu Negara hanya kepada ketua delegasi asing sahaja dan mengambilkira manfaat timbal balas serta membawa kepentingan kepada hubungan diplomasi negara yang signifikan.</p>	<p>iv) bagi agensi promosi di bawah MOTAC seperti Tourism Malaysia (TM) dan MYCEB, penganjuran dan penyertaan karnival/ ekspo/ pameran di luar negara yang telah disediakan peruntukan boleh diteruskan dengan mengambil langkah-langkah penjimatan yang bersesuaian.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.30	<p>Kempen/ Promosi/ Penajaan/ Pengiklanan</p> <p>Pelancaran kempen/ promosi hendaklah mengambil kira langkah-langkah yang dinyatakan di perenggan 3.29.</p>	<p>Bagi agensi promosi di bawah MOTAC seperti Tourism Malaysia (TM) dan MYCEB, penganjuran dan penyertaan ke karnival/ ekspo/ pameran di luar negara yang telah mempunyai peruntukan sedia ada, boleh diteruskan dengan mengambil langkah-langkah penjimatan yang bersesuaian.</p>
3.31	<p>Pelaksanaan kempen/ promosi hendaklah bersesuaian dengan kumpulan sasar yang dikenal pasti. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan kempen/promosi memberi pulangan atau impak kepada kerajaan.</p>	<p>Pengiraan <i>return of investment</i> (ROI) yang jelas hendaklah disertakan semasa mengemukakan minit ceraihan kepada Ketua Setiausaha/ Ketua Jabatan/Agensi untuk kelulusan melaksanakan program/ aktiviti.</p>
3.32	<p>Kementerian/ Jabatan/ Agensi digalakkan membuat kempen/ promosi secara dalam talian bagi mengurangkan perbelanjaan berbanding mengadakan persembahan/ pertunjukan/</p>	<p>Kempen/ promosi secara konvensional masih boleh dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan sedia ada mencukupi tanpa memerlukan peruntukan tambahan.</p>

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	jerayawara (roadshow) secara beramai-ramai, penggunaan media cetak dan media elektronik.	
3.33	Program penajaan dan pengiklanan seperti sisipan akhbar, iklan dalam media cetak dan elektronik dan <i>billboard</i> hendaklah dikurangkan dan dikaji semula selepas tamat kontrak penajaan/pengiklanan tersebut.	
3.34	Penyumberluaran (<i>Outsourcing</i>) Pegawai Pengawal hendaklah menyemak semula standard perkhidmatan yang dibeli agar selari dengan keperluan sebenar bagi mengurangkan komitmen kewangan kerajaan dan mengelakkan berlaku pembaziran sumber. Contohnya bilangan pengawal keselamatan yang bertugas bagi satu syif di sekolah di Kuala Lumpur tidak semestinya sama dengan bilangan pengawal keselamatan di sekolah kawasan pedalaman.	Bilangan personel untuk kontrak kawalan keselamatan, pembersihan, peralatan yang disewa seperti mesin fotostat dan peralatan ICT hendaklah mengikut keperluan sebenar sahaja.

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
3.35	Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah memastikan penyumberan luar dibuat berdasarkan permintaan (<i>demand driven</i>) dan keperluan mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam dengan kos berpatutan, bukannya berdasarkan penawaran (<i>supply driven</i>).	
4. 4.1	Perbelanjaan Pembangunan Bagi mengawal perbelanjaan pembangunan, projek-projek yang belum dimulakan proses perolehan atau diiklankan hendaklah dikaji semula keutamaannya agar langkah pemulihan seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangka pada tahun ini tidak terjejas. Bagi projek bukan keutamaan yang telah dikenalpasti hendaklah ditangguhkan kecuali projek yang mempunyai impak segera kepada kesejahteraan rakyat. Namun, kementerian, jabatan dan badan-	Bagi projek dalam fasa pra-pelaksanaan, proses pra-perolehan yang tiada implikasi kewangan boleh diteruskan. Proses perolehan hendaklah disegerakan dan dilaksanakan dengan mengambil kira jadual pelaksanaan dan unjuran perbelanjaan.

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>badan berkanun Persekutuan hendaklah meneruskan proses pra-perolehan yang tiada implikasi kewangan seperti perancangan, membuat reka bentuk, kebenaran merancang, menyelesaikan urusan berkaitan tanah/tapak projek dan sebagainya.</p>	
4.2	<p>Selaras dengan hasrat Kerajaan mengoptimumkan perbelanjaan bagi semua projek yang sedang dalam pelaksanaan, kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah memantau secara rapi kemajuan projek agar ianya siap dalam tempoh ditetapkan. Sebarang arahan perubahan (<i>variation order-VO</i>) yang mengakibatkan pertambahan kos projek hendaklah dielakkan dan sekiranya amat perlu berdasarkan peraturan semasa, VO tersebut perlu ditampung menggunakan penjimatan siling</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	semasa kementerian/ jabatan/ agensi/ badan berkanun Persekutuan.	
4.3	Pembelian dan perolehan barangan serta bahan import bagi perolehan baharu tidak dibenarkan kecuali barangan serta bahan tersebut tidak terdapat dari sumber tempatan dan keperluan memperolehnya melalui import benar-benar mendesak dan sangat penting. Walau bagaimanapun, kementerian/ jabatan/ agensi perlu mendapatkan kelulusan MOF terlebih dahulu.	
5.	Pelaburan Luar Negara oleh Badan-badan Berkanun Semua Badan Berkanun dan syarikat subsidiari hendaklah memberi keutamaan kepada pelaburan domestik. Sebarang pelaburan yang	

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	melibatkan pengaliran wang ke luar negara, tidak termasuk yang telah mempunyai komitmen, kontrak serta jadual pembayaran, hendaklah mendapat kelulusan MOF.	
6.	<p>Penggunaan Rizab Akaun Amanah/ Sumber Dalam</p> <p>Kementerian/ Jabatan/ Agensi digalakkan untuk menyemak semula skop penggunaan rizab akaun amanah di bawah kawal selia masing-masing supaya dapat membiayai sebahagian daripada kos operasi yang bersesuaian. Cadangan perluasan skop ini perlu dikemukakan kepada MOF untuk kelulusan.</p>	Perkara ini merujuk kepada akaun amanah yang diwujudkan di bawah seksyen 9 atau 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sekiranya terdapat kewajaran untuk memperluas skop perbelanjaan di bawah akaun amanah berkenaan, pindaan ke atas surat ikatan amanah boleh dicadangkan dan disemak oleh PUU terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Bahagian Kewangan, MOTAC.
7.	<p>Arahan-Arahan Umum</p> <p>7.1 Langkah-langkah penjimatan perbelanjaan ini hendaklah dipatuhi oleh semua kementerian/</p>	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	jabatan/agensi/ badan berkanun persekutuan dan CLBG yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan.	
7.2	Pegawai Pegawai hendaklah memastikan agar badan berkanun, CLBG dan NGO di bawah seliaan kementerian/ jabatan untuk menerima pakai garis panduan ini sebelum peruntukan disalurkan.	
7.3	Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Ketua Agensi juga dikehendaki membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program/ aktiviti dan memastikan prestasi dilaporkan secara berkala agar objektif dan outcome yang dikehendaki dapat dicapai.	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
7.4	Pegawai yang gagal untuk mematuhi arahan pekeliling ini boleh dikenakan surcaj di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957.	
7.5	Pematuhan kepada pekeliling ini akan diambil kira dalam pengagihan peruntukan tahunan kepada semua kementerian/agensi.	
8. 8.1	Pematuhan Garis Panduan Pegawai Pengawal sendiri hendaklah mengawasi dengan rapi terhadap setiap perbelanjaan dan hendaklah juga sentiasa mengingatkan pegawai-pegawai bahawa tindakan surcaj boleh diambil ke atas mereka sekiranya mereka didapati tidak mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan ini	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	dan juga peraturan-peraturan pengurusan kewangan yang sedia ada.	
8.2	Kerajaan Negeri/ Agensi Kerajaan Negeri/ Badan Berkanun Persekutuan/ Pihak Berkuasa Tempatan adalah digalakkan mengguna pakai langkah-langkah penjimatan seperti di dalam Pekeliling ini.	Badan Berkanun Persekutuan yang tidak menerima sebarang peruntukan Kerajaan Persekutuan.
9.	Tarikh Kuatkuasa dan Pembatalan Pekeliling	
9.1	Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan (14 Julai 2022) .	Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.
9.2	Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, ianya membatalkan pekeling dan surat berikut:	

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	<p>(i) Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan (2016);</p> <p>(ii) Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan (Pindaan 2019);</p> <p>(iii) Pekeliling Perbendaharaan PB1.2 Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2022, perenggan 5.15 mengenai “Pegawai Pegawai juga hendaklah memastikan pemohonan pelanjutan sewaan ruang pejabat dengan kenaikan nilai tepat RM300 ke atas dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan.”; dan</p>	<p>Semua kenaikan kadar sewaan tidak mengira jumlah perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan termasuk sewaan pejabat di luar negara.</p>

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3 TAHUN 2022
GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BIL.	PEKELILING PERBENDAHARAN PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 14 JULAI 2022)	ARAHAN KEWANGAN MOTAC BIL. 3 TAHUN 2022 GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN SELARAS DENGAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM
	(iv) Surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-1/4/1 Jld.4 (34) bertarikh 15 Februari 2022.	
10.	Pegawai Rujukan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Pejabat Belanjawan Negara Aras 6, Blok Utara Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Persiaran Perdana Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592 PUTRAJAYA (u.p.: Pengarah Belanjawan Negara)	



(DATUK HAJAH SARAYA BINTI ARBI)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tarikh: 26 Ogos 2022